

**20 Julai 2024**



## **MaPOA setuju semak semula Akta 134**

KUALA LUMPUR: Mesyuarat Majlis Perundingan Orang Asli (MaPOA) hari ini bersetuju menyemak semula Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) bagi memperhalusi beberapa peruntukan membabitkan masyarakat berkenaan. Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang, berkata semakan itu sudah dimulakan pihak perunding yang telah dilantik pada 1 Julai lalu. Rubiah berkata, antara perkara akan dirangka adalah membabitkan tanah Orang Asli, ekonomi dan budaya.

"Perkara ini sudah dibincangkan dengan teliti dan maklum balas yang baik diterima daripada ahli jawatankuasa mesyuarat," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Perundingan Orang Asli (MaPOA) Bilangan 1/2024, di sini, semalam. Yang turut hadir, Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Ramli Mohd Nor dan Ketua Pengarah JAKOA, Datuk Sapiah Mohd Nor. Katanya, banyak pembaharuan dan pembangunan yang telah dilakukan oleh KKDW melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), antaranya meningkatkan infrastruktur kawasan luar bandar, khususnya bekalan elektrik.

86 peratus ataupun 737 daripada 853 kampung Orang Asli di Kelantan, Terengganu, Kedah, Perak, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor sudah menerima bekalan elektrik.

"736 kampung pula dibekalkan dengan air yang bersih. Kita juga telah membina 6,200 jalan kampung yang membabitkan 755 kampung Orang Asli," katanya turut menjangkakan, kampung Orang Asli bakal menerima bekalan elektrik dan air sepenuhnya pada Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13).

"Selain itu, 16,339 (73.2 peratus) keluarga Orang Asli terbabit dalam program penambahbaikan rumah yang bertujuan meningkatkan keselesaan mereka.

"Dalam mesyuarat juga kita telah memaklumkan fokus kementerian dan JAKOA adalah untuk memantapkan ekonomi bukan sahaja daripada pembangunan tanah secara bersepada tetapi pembangunan tanah secara komuniti," katanya.

Beliau berkata, KKDW juga sedang meningkatkan program keusahawanan dalam kalangan Orang Asli.

"Kita turut memfokuskan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) terutamanya apabila pusat TVET Paya Bunga telah siap. Bermula 2025 kita akan mulakan pengambilan dalam bidang jahitan yang boleh memberi manfaat kepada 70 orang.

"Pusat Orang Asli One Stop Centre (OAOSC) Bawong juga sudah siap, boleh digunakan dan dijangka memberi manfaat kepada komuniti Orang Asli di sekitar Perak," katanya turut memberitahu OAOSC di Gua Musang juga bakal dilaksanakan.

Berkongsi projek kemudahan infrastruktur baharu, Rubiah berkata satu projek pembinaan jalan akan dilaksanakan dalam masa terdekat di Gua Musang, Kelantan, melibatkan jajaran sepanjang 93 kilometer.

"Saya dimaklumkan hujung bulan ini akan ada acara serah tapak dan pecah tanah. Projek ini akan libatkan banyak kampung Orang Asli (di Gua Musang) dan akan beri manfaat kepada lebih 7,000 penduduk," katanya

Beliau turut memberitahu, antara cadangan yang diterima dalam mesyuarat ini adalah untuk mendapatkan perumahan daripada Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

"Input seperti inilah yang kita perlukan untuk memastikan pembangunan Orang Asli dapat dititikberatkan.

"Kita juga memaklumkan KKDW bekerjasama rapat dengan pihak industri untuk memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat khususnya belia Orang Asli," katanya.

Mesyuarat MaPOA kali ke-19 ini diadakan selepas kali terakhir ianya berlangsung pada 2022.

MaPOA ditubuhkan pada 31 Julai 2001 sebagai platform bagi wakil-wakil Orang Asli dan pihak berkepentingan iaitu agensi pusat serta kerajaan negeri untuk memberikan pandangan dan maklum balas berkaitan dasar serta strategi pembangunan komuniti itu.